

Tumpukan tiga fokus utama

Oleh **DIANA AZIS**
pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 14 SEPT.**

TIGA fokus utama dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 akan diberi keutamaan iaitu merapatkan jurang pendapatan antara negeri, golongan yang kaya dengan miskin serta bandar dan luar bandar.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, wawasan itu bertujuan memastikan rakyat mendapat bahagian yang adil mengikut kategori masing-masing, bukan menjadikan semua orang sebagai jutawan.

"Semua bersetuju terdapat jurang dalam negara ini seperti pendapatan negeri kaya dan negeri miskin.

"Justeru kita harus kurang-



DR. MAHATHIR MOHAMAD bercakap kepada pemberita mengenai tiga fokus utama Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 dalam sidang akhbar di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

kan jurang antara negeri kaya dengan miskin dan ini bermakna, tumpuan akan diberikan

kepada negeri miskin untuk kita tingkatkan pendapatan mereka," katanya dalam sidang

akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Jemaah Menteri Mengenai Wawasan Ke-

makmuran Bersama 2021-2030, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, satu program khas juga perlu diadakan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar bagi mengurangkan jurang mereka dengan penduduk bandar.

"Ketiga adalah jurang antara golongan kaya dan miskin. Kita dapati yang miskin terlalu miskin berbanding yang kaya, umpamanya, eksekutif dalam syarikat boleh dapat RM2 juta hingga RM3 juta setahun, sedangkan pekerja bawah tidak dapat, jauh sangat perbezaannya," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pendapatan golongan pekerja juga perlu dipertingkatkan dengan menyediakan latihan bagi memastikan mereka lebih produktif dan membuat kerja yang lebih canggih.